




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **116 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,332 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 220 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 49,368 orang. Pada hari ini, sejumlah 1,045 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 411 orang di hospital, 631 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 63 orang dan 21 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan.

- 4 Pada hari ini, **satu (1)** kluster baharu dilaporkan.

Kluster Patikang Ulu di daerah Keningau, mencatatkan dua (2) kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 37 kes. Kes indeks merupakan penduduk Kampung Patikang Ulu yang dikesan positif melalui saringan bergejala pada 05 Februari 2021. Hasil saringan kontak rapat 36 lagi kes positif berjaya dikesan.

- 5 Daripada 116 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 90 kes (77.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 13 kes (11.2 %), saringan kluster baharu dan sedia ada empat (3) kes (2.6%) dan 10 kes (8.6%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 17.10%.

B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah **40,843** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 32,090 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 70 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, lima (5) tangkapan dibuat dan 27 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 79 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 314 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 78 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, APMM telah membuat tiga (3) tangkapan iaitu satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985 dan dua (2) tangkapan di bawah Akta Kastam 1967.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu dan Semporna.

- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 98 lokasi melibatkan 11 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 436 hebahan di seluruh Sabah.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	94%
2	Sandakan	94%
3	Tuaran	94%
4	Penampang	93%
5	Semporna	93%
6	Kunak	93%
7	Kota Belud	93%
8	Kinabatangan	93%
9	Beaufort	93%
10	Sipitang	93%
11	Lahad Datu	93%
12	Kudat	93%
13	Ranau	93%
14	Tawau	93%
15	Beluran	93%
16	Papar	93%
17	Kota Marudu	92%
18	Tenom	92%
19	Keningau	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
14 Februari 2021**